

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
TARIKH : 22 Mac 2018
SOALAN : 14

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang perubatan kanser 'pasopanib' yang dikatakan hanya akan dibekalkan kepada pesakit yang terhad dengan percuma. Apakah akan terjadi kepada pesakit yang tidak mampu membeli ubat ini di luar dengan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua ubat-ubatan yang dibekalkan dari fasiliti KKM adalah **PERCUMA**. Pilihan rawatan kepada pesakit di fasiliti KKM adalah berdasarkan kepada ubat-ubatan dalam Formulari Ubat KKM (FUKKM) dan garis panduan amalan klinikal terkini. Pazopanib tablet yang didapati dalam dua kekuatan iaitu 400mg dan 200mg merupakan salah satu anti-kanser yang tersenarai dalam FUKKM sejak tahun 2013. Ianya digunakan untuk merawat penyakit kanser *metastatic renal carcinoma*.

Bagi pesakit kanser jenis ini, terdapat pilihan anti-kanser selain daripada pazopanib iaitu menggunakan anti-kanser sunitinib 12.5mg capsule serta rawatan konvensional menggunakan interferon alfa injection.

18

Kedua-duanya tersenarai juga dalam senarai FUKKM dan sama keberkesanannya dengan Pazopanib. Dengan adanya ubat pilihan kepada pazopanib, maka tiada isu berkaitan dengan kos serta ubatan yang terhad di fasiliti KKM untuk merawat pesakit kanser *metastatic renal carcinoma* dan pesakit membeli ubat di luar.